

KONSEP TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT BERCIRIKAN ISLAM: ANALISIS PANDANGAN ULAMA DI MALAYSIA

Corporate Social Responsibility Concept based on Islamic Perspective: Analysis on Malaysian Islamic Scholar Opinion

Azlinda Boheran Nudin, Che Su Mustaffa, Mohd Khairie Ahmad
 Jabatan Komunikasi, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi,
 Universiti Utara Malaysia, 06010, Kedah, Malaysia
 e-mel: lynda93840@gmail.com

Abstrak

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah diperaktikkan di seluruh dunia dan dibincangkan oleh sarjana Barat sejak tahun 1917. Walaubagaimanapun, sehingga kini konsep CSR masih diperdebatkan berikut ketidaaan definisi yang jelas untuk menerangkan tanggungjawab yang seharusnya dilaksanakan oleh organisasi. Penelitian berkaitan CSR banyak dilakukan dari perspektif barat berbanding dengan penerokaan dari sudut keagamaan. Penelitian berkaitan konsep CSR berdasarkan perspektif keagamaan seperti perspektif Islam perlu dijalankan memandangkan Islam juga mempengaruhi perniagaan dan sosio ekonomi. Matlamat kajian ini adalah untuk meneroka berkaitan dengan konsep CSR menerusi perspektif keagamaan dengan memberi penekanan berkaitan dengan prinsip Islam. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu temu bual mendalam melibatkan lapan orang ulama sebagai informan kajian. Hasil kajian menunjukkan konsep CSR menurut perspektif Islam mengandungi maksud yang meliputi taqwa dan mengandungi prinsip *amar makruf nahi mungkar*, amanah, ikhlas, dan *hablulminallah habluminannas*. Konsep CSR menurut perspektif Islam ini dilihat berbeza dengan perspektif Barat memandangkan CSR menurut perspektif Islam adalah berlandaskan kepada ajaran di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Kata Kunci Tanggungjawab Sosial Korporat, Barat, Perspektif Islam, Pandangan Ulama, Kualitatif

Abstract

Corporate Social responsibility (CSR) has been practiced widely over the world and discussed by western scholar from year 1917. However, until today the concept of CSR still being debated because of the definition to describe the responsibility that should be implemented by the organization still vague. Observation regarding CSR mostly done from the Western perspective compared to the exploration from the religious angle. The observation related to the CSR concept based on the religious perspective such as Islamic perspective has to be implemented since Islam influences business and socio economic too. The aim of the study is to explore the CSR concept through religious perspective by giving emphasis on Islamic principles. This study is conducted using qualitative in depth interviews involving eight Islamic scholar (Ulama) as the research informant. The finding indicates the concept of CSR according to the Islamic perspective containing meanings covering god consciousness (*taqwa*) and principle of ordering right and prohibiting wrong (*amar makruf nahi mungkar*), trustworthiness (*amanah*), sincere (*ikhlas*) and relationship with God, men and the rest of Gods creation (*hablulminallah habluminannas*). The concept of CSR according to the Islamic perspective is different from the Western perspective since CSR according to the Islamic perspective is based on the teaching in the Quran and as-Sunnah.

Keywords Corporate Social Responsibility, Western, Islamic, Islamic scholar opinion, Qualitative

PENGENALAN

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menjadi perhatian dan semakin banyak diamalkan oleh organisasi di Malaysia. Secara prinsipnya, CSR merupakan intepretasi kebertanggungjawaban organisasi terhadap pihak tertentu yang meliputi pelbagai aspek

seperti pendidikan, keselamatan, penjagaan alam sekitar, sumbangan, kesihatan dan sebagainya. Pada awalnya, sarjana barat seperti Davis (1973) mentafsirkan CSR sebagai pertimbangan dan tanggungjawab firma terhadap isu di luar daripada aspek ekonomi, teknikal dan keperluan peraturan dalam organisasi. CSR juga merupakan darjah kesesuaian antara harapan masyarakat terhadap komuniti perniagaan dan etika perniagaan Zanisek (1979). Hal ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab organisasi yang merangkumi pembangunan mapan, layanan kepada pekerja dan masyarakat dimana organisasi beroperasi secara bermoral (Ford, 2007).

Perbincangan mengenai konsep CSR telah bermula di Barat semenjak tahun 1917 apabila Henry Ford mengemukakan ideanya bahawa perniagaan merupakan perkhidmatan kepada masyarakat (Che Man & Borhan, 2010). Namun begitu, tumpuan terhadap kajian berkaitan fenomena ini bermula dalam lingkungan abad ke-20 (Samina, 2012). Konsep CSR yang diketengahkan banyak menjurus ke arah untuk mendapatkan keuntungan dan juga meningkatkan reputasi organisasi. Selain itu, CSR juga dilihat sebagai tanggungjawab organisasi untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Menurut Dusuki (2008), terdapat ramai sarjana Barat seperti Bowen (1953), Davis (1973), Zanisek (1979), Carroll (1979, 1999), dan Ford (2007) telah membincangkan dari aspek teori, moral dan etika sebagai asas untuk melaksanakan inisiatif CSR. Namun, usaha tersebut telah mendapat kritikan dari segi masalah justifikasi, kecaburan konsep, tidak konsisten dan gagal memberi panduan etika kepada organisasi bagi membuat keputusan berkaitan dengan perkara yang perlu diikuti dan komitmen yang diperlukan dalam pelaksanaan CSR.

Tafsiran dan maksud berkaitan dengan CSR dipengaruhi oleh agama, nilai, ilmu, latar belakang, budaya dan konteks persekitaran (Dusuki & Yusof, 2008; Shareaaf, Arunachalam, Sodique & Davey, 2014). Dalam pandangan Barat, CSR adalah berkaitan dengan melakukan perniagaan secara beretika dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan pihak berkepentingan di samping meningkatkan reputasi organisasi (Abu Bakar, 2015). CSR daripada perspektif Barat juga hanya memberi tumpuan kepada aspek material untuk memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan dan tidak merangkumi aspek kerohanian mahupun keagamaan iaitu tanggungjawab kepada Pencipta (Allah SWT).

Salah satu daripada pendekatan terkini yang boleh diteliti ialah pelaksanaan CSR berdasarkan perspektif keagamaan daripada sudut Islam. Ini kerana wujud kritikan-kritikan berkaitan dengan pelaksanaan konsep-konsep dari Barat dalam melaksanakan idea-idea pembangunan di negara-negara sedang membangun yang dipersoalkan kesesuaiannya. Pelaksanaan konsep-konsep pembangunan beracuankan Barat ini dikatakan gagal mengambil kira aspek agama dan budaya masyarakat tempatan. Pelaksanaan konsep Barat ini juga dilihat tidak bersesuaian dengan organisasi yang berteraskan Islam kerana falsafah organisasi Islam adalah berbeza dengan falsafah organisasi Barat kerana organisasi Islam adalah berasaskan al-Quran dan as-Sunnah serta budaya yang biasanya berkembang di dalam masyarakat Islam (Yusuf, 2010). Oleh yang demikian, CSR daripada sudut agama Islam perlu diteliti dengan lebih mendalam agar pemahaman dan amalan berkaitan dengan perkara ini dapat dipertingkatkan.

PERDEBATAN KONSEP CSR BARAT

Konsep CSR merupakan konsep yang luas dan sukar untuk difahami secara tepat dan jelas. Salah satu faktor yang menyebabkan konsep CSR sukar difahami adalah disebabkan kerumitan dan ketiadaan definisi yang dipersetujui berkaitan dengan konsep CSR (Perrini,

2006; Idemudia, 2008; Gulyas, 2009). Walaupun konsep CSR secara meluas dibincangkan dalam teori dan amalan (Weber, 2008) definisi yang diterima secara meluas berkaitan dengan CSR masih belum wujud (Turker, 2009). Pandangan berkaitan dengan CSR adalah berbeza (Griffin, 2000). Amaeshi dan Adi (2007) berpendapat bahawa terdapat banyak definisi CSR berdasarkan kepada topik yang dibincangkan oleh penyelidik. Marrewijk (2003) menyatakan satu penyelesaian untuk semua sebagai definisi CSR adalah mustahil kerana CSR akan mempunyai makna yang berbeza bagi setiap organisasi bergantung kepada pembangunan, kesedaran dan matlamat organisasi.

Salah satu cara bagi memahami dengan lebih mendalam berkaitan dengan konsep CSR dari perspektif Barat adalah dengan memahami sifat CSR. Terdapat banyak definisi CSR telah dikemukakan namun definisi yang paling banyak digunakan adalah daripada piramid CSR yang dikemukakan oleh Carroll (1979, 1999). Rangka kerja berkaitan dengan konsep CSR yang dikemukakan oleh Carroll merupakan konsep yang agak jelas berkaitan dengan CSR. Carroll berhujah bahawa CSR terdiri daripada empat unsur iaitu ekonomi, tanggungjawab undang-undang, etika dan kedermawanan. Dari sudut ekonomi, organisasi perlu mempunyai tanggungjawab ekonomi untuk mendapatkan keuntungan dan dari segi perundangan pula organisasi perlu mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan bagi organisasi. Ketiga, organisasi perlu mengamalkan tanggungjawab etika bagi memastikan keadilan dan kesaksamaan dan yang keempat tanggungjawab filantropi iaitu berkhidmat kepada masyarakat, komuniti atau pendidikan (Carroll & Buchholz, 2006).

Konsep CSR oleh Carroll (1979, 1999) banyak digunakan oleh penyelidik seperti dalam kajian Sabir, Kalyar, Ahmed dan Zaidi (2012). Sabir, Kalyar, Ahmed dan Zaidi menjelaskan bahawa tanggungjawab ekonomi merujuk kepada menghasilkan keuntungan dan memenuhi keperluan penggunaan, dan tanggungjawab undang-undang organisasi adalah untuk memenuhi operasi ekonomi dan misi dalam rangka kerja undang-undang. Tanggungjawab etika pula adalah berkaitan dengan kewajipan organisasi bagi mematuhi peraturan moral untuk menentukan tingkah laku yang sesuai dalam masyarakat. Tanggungjawab budi bicara pula merupakan tingkah laku organisasi yang tidak wajib tetapi diharapkan oleh pihak yang berkepentingan sebagai bukti menunjukkan organisasi adalah warganegara yang baik (Galbreath, 2010).

McWilliams dan Siegel (2000) mentafsirkan CSR sebagai suatu tindakan bagi melaksanakan beberapa aktiviti sosial yang baik di mana aktiviti ini adalah di luar kepentingan organisasi dan aktiviti sosial yang ditetapkan dalam undang undang. CSR adalah tindakan yang muncul untuk menghasilkan aktiviti sosial yang baik, berada di luar kepentingan organisasi dan yang diperlukan oleh undang-undang. Obaloha (2008) pula menyatakan CSR merupakan salah satu bentuk tanggungjawab organisasi terhadap masyarakat dan lingkungannya. CSR juga merupakan strategi organisasi bagi memenuhi keperluan dan kepentingan pemiliknya (Rachman, 2011).

Oleh itu, dapat dilihat bahawa pelbagai konsep telah diutarakan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Konsep CSR telah melalui beberapa siri perubahan dan pembangunan dalam pendekatannya (Md Sum, 2013). Namun, konsep CSR masih digambarkan sebagai kabur (Fisher, 2004), samar-samar (Williamson, Lynch-Wood & Ramsay, 2006), subjektif (Frederick, 1986), tidak jelas (McWilliams, 2001), kesahihannya masih diperdebatkan (Lantos, 2001) dan masih belum mempunyai satu defini yang diguna pakai secara umum (Idemuda, 2008). Oleh itu, masih tidak terdapat satu definisi yang kukuh untuk menerangkan tentang tindakan yang sepatutnya diambil oleh organisasi berkaitan dengan CSR (Marrewijk,

2003). Konteks ekonomi, politik dan sosial Barat juga berbeza dengan konteks negara Islam seperti di Asia dan Timur Tengah di mana amalan organisasi dipengaruhi oleh keagamaan dan nilai kerohanian (Dusuki & Yusof, 2008). Beberapa pengkaji CSR berhujah bahawa falsafah dan garis panduan CSR barat masih terhad dari sudut kurang pemahaman tentang tanggungjawab agama dan moral (Haniffa, 2002; Parvez & Ahmed, 2004), kurang komprehensif dalam konteks global berdasarkan pelbagai sosio budaya dan agama diseluruh dunia (Mohammed, 2007), gagal menyediakan garis panduan etika yang mencukupi (Dusuki & Abdullah, 2007), dan kurang memberi fokus terhadap keutamaan objektif sosial (Darus *et al.*, 2013).

Oleh yang demikian, CSR bukan hanya mempunyai kekurangan daripada segi konsep dan definisi malahan terdapat beberapa kesukaran dalam memahami garis panduan yang dapat diikuti oleh organisasi. Aspek lain seperti keagamaan perlu dilihat supaya dapat menjadi nilai tambah kepada konsep CSR seterusnya konsep CSR dapat diperkuatkan untuk diaplikasikan di dalam konteks yang lebih sesuai. Justeru, penilitian konsep CSR dari sudut keagamaan seperti agama Islam dilihat amat perlu bagi menyimpulkan satu konsep yang kukuh dan dapat difahami dengan jelas berkaitan dengan tanggungjawab organisasi terutamanya bagi organisasi Islam. Hal ini penting memandangkan terdapat pelbagai aktiviti perniagaan yang berteraskan Islam dan organisasi yang dimiliki oleh orang Islam yang giat berkembang pada masa kini. Oleh yang demikian, konsep yang jelas amat diperlukan bagi memberi gambaran kepada organisasi bagaimana untuk menjalankan CSR dengan kaedah sepatutnya dan menepati perintah agama.

CSR DARI SUDUT ISLAM

Tanggungjawab merupakan sebahagian daripada ajaran agama Islam yang disebut masuliyyah. Tanggungjawab manusia dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu tanggungjawab kepada Allah, tanggungjawab kepada diri sendiri, tanggungjawab kepada masyarakat dan tanggungjawab kepada alam sekitar. Manusia merupakan khalifah yang bertanggungjawab kepada Allah untuk semua tindakan yang dilakukan di dunia dan setiap tindakan tersebut akan disoal pada hari kiamat kelak. Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud: "*Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya*". Sebagai wakil Allah di bumi dan pemegang amanah, manusia bertanggungjawab untuk menyebarkan dakwah tauhid, beribadah dengan ikhlas, beriman kepada Allah dan mencegah perbuatan yang mungkar. Hal ini menunjukkan tanggungjawab di dalam Islam meliputi prinsip menggalakkan kebaikan dan mencegah yang mungkar iaitu tanggungjawab yang telah diberikan oleh Allah kepada umat Islam sebagai khalifah untuk memakmurkan muka bumi. Hal ini diterangkan oleh Allah SWT di dalam surah At-Tawba ayat 71 yang bermaksud: "*mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Rasulnya.*"

Islam juga menggalakkan perbuatan yang baik melalui bantuan ke arah kebaikan kerana membantu insan lain dapat meningkatkan ketaqwaan seseorang. Allah SWT berfirman di dalam surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud "*Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan perlenggaran.*" Manusia yang menjalankan tanggungjawab merupakan manusia yang bertaqwa. Ketakwaan kepada Allah SWT akan mewujudkan nilai moral di dalam diri individu. Individu yang bertaqwa akan memastikan hubungan baik dengan Allah di samping hubungan

dengan manusia serta makhluk yang lain. Individu perlu bertindak mengikut batas moral dan etika dan perlu mengambil berat tentang orang lain dalam melakukan setiap tindakan (Che Man & Borhan, 2010). Hal ini telah tercatat di dalam firman Allah dalam surah al-Muddathir ayat 38 yang bermaksud “*tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakan*”. Ayat tersebut menunjukkan bahawa setiap individu yang melakukan kejahanan akan mendapat balasan yang buruk dan begitu juga sebaliknya serta tidak boleh dipindahkan kepada orang lain. Oleh itu, setiap manusia perlulah melaksanakan setiap tanggungjawab dengan kebaikan kerana setiap amalan yang dilakukan di atas dunia ini akan dipersoalkan di akhirat kelak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi memberi fokus dan analisis yang mendalam berkaitan dengan pemahaman konsep CSR bercirikan Islam. Kaedah kualitatif membolehkan penyelidik meneroka sesuatu isu dengan lebih mendalam, fokus terhadap fenomena yang berlaku serta membina proses dan memberikan maksud terhadap sesuatu fenomena (Denzin & Lincoln, 2008). Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data secara temu bual mendalam digunakan bagi mengumpul data deskriptif daripada informan kajian untuk membolehkan penyelidik membina pengertian dan kefahaman mendalam tentang pentafsiran sesuatu aspek. Arshad, Othman, dan Othman (2012) dalam kajian mereka mencadangkan supaya kaedah temu bual secara mendalam dijalankan untuk mendapat lebih banyak maklumat berkaitan dengan aktiviti CSR Islam. Protokol temu bual dibina oleh penyelidik sebagai panduan untuk mengemukakan soalan kepada informan.

Seramai lapan orang informan yang terdiri daripada ulama di temu bual berkaitan dengan pandangan mereka mengenai konsep CSR bercirikan Islam. Ulama merupakan ilmuan Islam yang mempunyai pengetahuan luas dan mendalam berkaitan pelbagai aspek dalam agama Islam. Dalam kajian ini, ulama adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan pekerjaan bagi mendapatkan maklumat yang selari walaupun pandangan dari sudut yang berbeza. Ulama yang dipilih terdiri daripada mufti, timbalan mufti, imam besar masjid negeri, dan ahli jawatankuasa Persatuan Ulama Malaysia.

Data hasil daripada temu bual separa berstruktur bersama dengan ulama ini dianalisis dengan menggunakan teknik analisis bertema bagi mengenal pasti dan membangunkan tema serta membincangkan berkaitan dengan konsep CSR bercirikan Islam menurut pandangan ulama. Data dianalisis menggunakan perisian analisis kualitatif *Nvivo 10* dengan melibatkan tiga langkah iaitu reduksi data, pemaparan data, dan membuat kesimpulan dan verifikasi data (Miles & Huberman, 1994). Penyelidik menganalisis data setelah temu bual pertama dilakukan. Setelah penyelidik selesai menjalankan temu bual dengan informan dan mentranskripsi data, penyelidik menganalisa data yang diperolehi secara sistematik iaitu dengan memilih dan memfokus data. Data yang telah dipilih dikodkan dan kemudian dikategorikan mengikut dimensi data berkenaan. Proses ini dilakukan secara berterusan sehingga tamat proses pengumpulan data apabila penyelidik mendapati data yang dikumpulkan telah sampai pada tahap tepu iaitu data yang dikumpulkan tidak lagi menyumbang kepada penemuan kategori baru (Meriam, 1998).

HASIL KAJIAN

Hasil analisis data temu bual bersama dengan ulama berkaitan dengan konsep CSR Islam menjelaskan bahawa taqwa merupakan konsep utama bagi CSR Islam. Konsep taqwa ini mengandungi ciri-ciri seperti *amar ma'aruf nahi mungkar* (menyuruh kebaikan, mencegah kemungkaran), amanah, ikhlas, dan *hablulminallah hablulminannas* (hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia), yang perlu ada dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai umat Islam.

Taqwa

Hasil analisis data mendapati konsep utama bagi CSR bercirikan Islam merupakan konsep taqwa yang dapat dijelaskan sebagai melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya. Hal ini dinyatakan oleh informan 1 iaitu “taqwa yang saya sebut tadi, mematuhi perintah Allah dan meninggalkan apa yang Allah larang. Dapatlah taqwa”. Setiap tindak-tanduk manusia perlu mengikut landasan yang telah ditetapkan dalam agama Islam serta patuh dengan segala perintah Allah. Manusia yang bertaqwa ialah manusia yang mematuhi perintah Allah SWT. Taqwa juga merupakan sifat dalaman manusia iaitu perkara yang ada di dalam hati dan sifat dalaman memerlukan sifat ketaatan kepada Allah. Selain itu, manusia yang bertaqwa akan melaksanakan tanggungjawab dengan ikhlas. Taqwa juga dikaitkan dengan tingkah laku yang baik dalam melakukan perkara yang wajib mahupun tidak wajib serta perlu mengikut prinsip yang telah ditetapkan oleh Islam. Seseorang umat Islam dianggap tidak lengkap kehidupannya sekiranya tidak beramal dengan perkara yang disuruh oleh Islam. Menurut ulama lagi, manusia yang bertaqwa akan mendapat rahmat Allah dan dimasukkan ke syurga di akhirat kelak.

Dalam konteks CSR bercirikan Islam bagi organisasi, taqwa seharusnya menjadi matlamat yang utama apabila melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Informan 7 menjelaskan antara perkara yang mendatangkan taqwa bagi sesebuah organisasi dalam melaksanakan tanggungjawab iaitu “Amanah, jaga masa, tak makan riba. Jadi kalau kita buat semua tu, cukup syarat, kita capai la taqwa tu. Sama macam organisasi jugak, kalau organisasi tu baik, jaga pekerja, tak menindas pekerja, bila dia *complete* syarat dia maknanya organisasi ni baiklah.” Hal ini kerana, tanggungjawab yang dilaksanakan bukan sahaja untuk kepentingan dunia malahan lebih lagi untuk ganjaran pahala dan kepentingan di akhirat kelak. Taqwa merupakan sesuatu yang penting kepada individu dalam organisasi terutamanya kepada pihak pengurusan atasan. Informan 5 menjelaskan bahawa “majikan bertaqwa, setiap orang yang melaksanakan tanggungjawab atau kakitangan-kakitangan hendaklah bertaqwa kepada Allah. Hanya orang bertaqwa sahaja dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik”. Hal ini kerana tanpa sifat taqwa di dalam diri, maka tujuan untuk melaksanakan tanggungjawab adalah disebabkan oleh keinginan material semata-mata dan bukan untuk mendapat ganjaran pahala. Individu yang bertaqwa juga dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik kerana taqwa juga merupakan sifat individu yang diperteguhkan oleh sifat berjemaah. Hal ini bermaksud individu yang bertaqwa tidak akan hidup secara menyendirian dan perlu hidup bermasyarakat. Oleh itu, dapat dilihat bahawa individu yang bertaqwa akan melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat sekeliling kerana sifat individu bertaqwa adalah bermasyarakat dan tanggungjawab yang dilaksanakan pula adalah untuk mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Amar Makruf Nahi Mungkar

Prinsip *amar makruf nahi mungkar* bermaksud mengerjakan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dapatkan kajian menunjukkan prinsip ini melibatkan aspek halal dan haram dimana terdapat perkara yang boleh dilakukan dan perkara yang ditegah di dalam Islam. Hal ini menunjukkan ketaatan terhadap perintah Allah dan kewajipan yang perlu dipenuhi terhadap Allah SWT. Dalam melaksanakan CSR, prinsip ini amat penting untuk memastikan organisasi terutamanya yang berteraskan Islam melaksanakan tanggungjawab yang mendatangkan kebaikan sahaja dan perkara-perkara yang dilarang oleh Islam perlu dicegah. Informan 4 yang menjelaskan “Dalam beberapa ciri yang saya sebut menyuruh yang maaf dan mencegah yang mungkar. Jadi dalam proses tu tanggungjawab dalam masyarakat dia tidak boleh ada kemungkaran. Oo dia bertolong bantu, dia bantu buat satu pesta, di sana ada judi. Dia bantu beli kupon, beri sumbangan sedangkan program itu merupakan program yang mungkar. Sebab ada bercampur halal dan haram. Jadi majlis itu tidak mencirikan Islam. Jadi korporat-korporat yang bukan Islam dia tidak kisah, asalkan ini sumbangan. Dalam Islam matlamat itu tidak menghalalkan cara, kita tidak boleh merompak sebuah kedai, dan hasilnya diberikan kepada anak yatim. Itu tidak boleh. Rompak itu tidak boleh, jadi matlamat kita bagus, tetapi matlamat itu tidak menghalalkan kerja rompak itu”. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perkara yang dibolehkan dan tidak boleh dilakukan di dalam Islam walaupun dengan niat untuk memberi bantuan kepada yang memerlukan.

Analisis pandangan ulama juga menjelaskan bahawa organisasi yang ingin melaksanakan sesuatu program CSR perlulah meneliti terlebih dahulu aktiviti yang ingin dilaksanakan dan kesan daripada pelaksanaan tersebut membawa kepada kebaikan ataupun terdapat unsur kemungkaran. Terdapat juga organisasi yang melaksanakan CSR tanpa mengambil kira perkara halal dan haram yang berlaku semasa aktiviti CSR tersebut dijalankan. Informan 5 menyatakan “Kadang tu ada jugak, ada jugak buat konsert amal, namanya amal, tapi bercampur dengan perkara-perkara yang tidak baik dan luar batasan syariat yang sepatutnya berlaku, tetapi tidak berlaku. Maknanya pahala dan dosa itu tetap Allah kira dan tetap berdosa.” Selain itu informan 5 juga turut menambah “kita bantu tu kepada perkara-perkara yang baik, manakala perkara yang buruk itu kita bantu, bukan maknanya kita buat jahat, tetapi bantu agar perkara tu tidak berlaku atau membantu pihak-pihak tertentu untuk menghalang perkara tak baik itu berlaku”. Hal ini perlu diberi perhatian yang khusus kerana setiap tindakan kita akan dinilai oleh Allah SWT.

Analisis data pandangan ulama juga mendapati tanggungjawab untuk melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran ini merupakan satu kewajipan terhadap Allah SWT. Menurut informan 1 “yang disebut dalam ayat Al-Quran menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, itulah kewajipan kita dengan Allah, kita wajib, sebagai seorang muslim apa yang Allah suruh wajib buat. Itu ciri yang perlu ada sebagai muslim yang baik samada organisasi atau individu”. Informan 7 turut menyokong dengan menyatakan “Di dalam Al-Quran Allah ada menyebut makna Allah suka kepada orang yang berbuat baik. Jadi Allah suruh manusia menghindarkan maksiat, berbuat baik sesama manusia. Di mana akhirnya konsep-konsep yang disuruh tu adalah untuk melahirkan manusia yang taqwa.” Oleh yang demikian, prinsip melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan satu prinsip yang amat penting dalam pelaksanaan tanggungjawab bagi sesebuah organisasi.

Amanah

Hasil analisis data menunjukkan amanah dapat dijelaskan melalui elemen kepercayaan, keadilan, dan amanah merupakan suatu yang berat untuk dilaksanakan. Dalam melaksanakan tanggungjawab juga perlu disertai dengan amanah seperti menurut informan 8 yang menyatakan “konsep tanggungjawab dalam Islam ni kita mestilah amanah dan mesti melaksanakan kepercayaan yang diberi sebaik-baiknya. Amanah merupakan kepercayaan yang dipikul oleh seseorang bagi menyampaikan sesuatu kepada yang berhak. Amanah juga bergantung kepada seseorang individu sama ada boleh dipercayai atau tidak dalam memikul dan menyampaikan amanah. Informan 8 menyatakan “dalam al-Quran dia kata kita mesti serahkan amanah itu kepada ahli, ahli itu maknanya orang yang betul-betul layak menerima dan menyampaikan amanah, dia wajib menunaikan tugas, dia mesti menunaikan secara jujur”. Informan 6 pula menyatakan individu yang amanah juga mendapat kepercayaan dalam pelbagai aspek kerana memiliki sifat-sifat yang baik.

Organisasi merupakan pemegang amanah dan amanah tersebut perlu disampaikan kepada yang berhak. Hal ini kerana di dalam Islam harta yang dimiliki oleh individu mahupun organisasi mengandungi hak individu lain. Informan 2 menyatakan “harta kekayaan merupakan amanah, sementara kita bagi pinjam sahaja dan kita berperanan untuk mentadbir dan harus dikongsi dengan orang lain. Secara rumusannya dia punya syarikat perlu kembali kepada yang asas, mereka adalah pemegang amanah kepada kekayaan. Pemilik sebenarnya adalah Allah SWT”. Oleh itu, organisasi perlu mengeluarkan hak tersebut untuk diberikan kepada yang layak seperti mengeluarkan zakat dan sedekah. Dalam melaksanakan sesuatu amanah, prinsip keadilan perlu ditekankan iaitu menyampaikan sesuatu kepada yang berhak. Islam amat menekankan konsep keadilan dalam kehidupan umatnya. Informan 1 menyatakan bahawa “adil ni meletakkan sesuatu pada tempatnya. Allah kata kena ikut betul-betul cara Islam, sebab apa, sebab kita amanah tadi hanya boleh bagi kepada orang yang betul-betul layak sahaja. Tu yang kata amanah dia amanah sungguh tu, kita bagi pada orang yang betul, bukan orang yang tak betul. Tu sifat dalam tanggungjawab dalam Islam”. Keadilan hendaklah berlaku kepada semua pihak walaupun musuh. Sebagai khalifah di muka bumi, individu atau organisasi haruslah berlaku adil dalam semua aspek terutamanya hal berkaitan dengan hak individu lain. Amanah juga merupakan suatu yang berat untuk dilaksanakan kerana melibatkan pelaksanaan secara menyeluruh, adil dan mematuhi peraturan Allah SWT. Amanah tidak boleh dipandang remeh kerana setiap perbuatan yang melibatkan amanah akan mendapat balasan azab jika tidak dilaksanakan dengan baik dan memperolehi ganjaran pahala sekiranya dilaksanakan dengan cara yang sepatutnya.

Ikhlas

Ikhlas merupakan salah satu ciri yang perlu ada apabila melaksanakan tanggungjawab. Hasil analisis data mendapati ikhlas dapat diertikan sebagai melakukan sesuatu tanpa mengharapkan balasan dan melakukan sesuatu kerana Allah SWT serta individu yang ikhlas melaksanakan sesuatu akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Hasil analisis data pandangan ulama mendapati ikhlas merupakan asas dalam melaksanakan tanggungjawab oleh individu mahupun organisasi. Hal ini kerana ikhlas merupakan perkara yang perlu ada apabila melaksanakan tanggungjawab dan tanggungjawab manusia dianggap lengkap sekiranya setiap amalan dilakukan dengan ikhlas kerana Allah serta berlandaskan ajaran Al-Quran dan sunah. Setiap individu dan organisasi yang melaksanakan tanggungjawab seharusnya mempunyai niat bahawa tanggungjawab tersebut dilakukan kerana Allah SWT. Hal ini dibuktikan oleh informan 3 yang menyatakan “konsep dan tanggungjawab dalam Islam ni yang pertama sekali

pembetulan niat kerana Allah". Namun begitu, sebagai manusia biasa, kita tidak boleh menilai sama ada seseorang ikhlas ataupun tidak. Ikhlas merupakan hubungan antara manusia dengan Allah dan bergantung kepada niat seseorang dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Selain itu, analisis pandangan ulama menyatakan bahawa keikhlasan seseorang melaksanakan tanggungjawab juga membolehkan ganjaran pahala diperolehi. Setiap tanggungjawab yang dilaksanakan untuk mendapat keredaan Allah swt akan memperolehi ganjaran pahala untuk hari akhirat. Niat dalam melaksanakan tanggungjawab adalah penting bagi memastikan keikhlasan. Individu mahupun organisasi yang menonjolkan pelaksanaan tanggungjawab perlu mempunyai niat bahawa tanggungjawab yang dilaksanakan adalah kerana Allah dan untuk dijadikan panduan serta contoh kepada pihak lain. Menurut informan 2, "kita boleh mulakan, mengeluarkan dalam bentuk dana ke, pembinaan ke, untuk orang lain ikut kita. Itu satu yang baik dan dalam al-Quran dijelaskan sesiapa yang memulakan sesuatu yang baik, kemudian orang lain mengikuti, maka dia akan mendapat pahala yang berterusan". Tindakan ini bukanlah kerana untuk takbur dan riak dengan amalan yang telah dilaksanakan. Tidak dapat dinafikan bahawa bagi memastikan keikhlasan, manusia digalakkan memberi bantuan atau melaksanakan tanggungjawab tanpa diketahui pihak lain. Namun, ulama berpendapat bahawa dalam konteks organisasi hal ini dapat ditonjolkan bagi memberi contoh kepada organisasi lain untuk melakukan perkara yang sama dan memperluaskan lagi taqwa. Oleh itu melaksanakan tanggungjawab secara bersembunyi mahupun secara terang-terangan adalah dibenarkan dalam Islam. Walaubagaimanapun, individu mahupun organisasi tidak boleh mengharapkan sesuatu balasan daripada manusia atas kebaikan yang dilaksanakan dengan berlandaskan prinsip ikhlas. Hal ini kerana ikhlas merupakan sesuatu yang sukar dilaksanakan disebabkan pengaruh nafsu yang mendorong manusia bersifat menunjuk-nunjuk, riak dan sebagainya apabila dapat memberikan sumbangan kepada orang lain.

Hablulminallah Hablulminannas

Prinsip *hablulminallah hablulminannas* yang bermaksud hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia perlu diterapkan apabila melaksanakan tanggungjawab terutamanya kepada organisasi yang melaksanakan CSR bercirikan Islam. Menerusi analisis pandangan ulama mendapati bahawa sebagai umat Islam, manusia mempunyai kewajipan terhadap Allah dan kewajipan kepada manusia yang lain dan hubungan tersebut perlu dijaga supaya menjadikan suasana kehidupan sejahtera dan direndai oleh Allah SWT. Menjaga hubungan dengan Allah bermaksud menuaikan segala perintah perintah Allah dan hubungan dengan manusia adalah berbuat kebaikan sesama manusia. Hal ini penting dilaksanakan kerana Allah menyebut bahawa manusia tidak akan ditimpa kehinaan melainkan apabila berhubung dengan Allah, dan hubungan yang baik dengan manusia. Menurut informan 4 "dalam satu hadis yang bermaksud seorang muslim itu tidak beriman sehingga dia menyintai atau mengasihi saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri. Jadi maknanya hubungan diri dengan masyarakat, dia tak boleh lari lah. Rasulullah dalam hadis yang lain 'sebaik-baik manusia itu orang yang memberi manfaat kepada manusia, bukan untuk diri sendiri', memang kita bekerja untuk diri kita tetapi ada orang susah yang perlu kita bantu".

Manusia mempunyai tanggungjawab dalam setiap perkara yang dilakukan dan tanggungjawab yang paling penting adalah dengan menjaga hubungan dengan Allah SWT. Hal ini kerana manusia dijadikan dan diberikan rezeki kesihatan, kekuatan dan sebagainya oleh Allah SWT. Oleh itu, menjadi kewajipan manusia untuk bersyukur dengan melaksanakan perintah Allah iaitu dengan ketaatan dan perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sunguh. Kemudian manusia perlu menjaga hubungan dengan manusia lain dan termasuk juga menjaga hubungan dengan

alam kerana semua hubungan tersebut mempunyai perkaitan dengan manusia itu sendiri. Islam juga menggalakkan umatnya menghulurkan bantuan sebagai salah satu cara bagi menjaga hubungan sesama manusia. Hal ini penting kerana manusia mempunyai tanggungjawab dan saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Informan 6 menyatakan “Kalau kita tengok dalam hadis Rasulullah ‘sesiapa yang tidak mengambil berat tentang hal ehwal umat Islam, bukan dari kalangan ku’. Maknanya sampai Rasullullah tak mengaku. Ertinya satu sandaran yang luar biasa. Jadi itu yang kita tengok asas-asasnya, kewajipan menjaga hubungan dengan manusia”.

Tanggungjawab menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia juga merupakan satu ibadah yang perlu dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah umum dan ibadah khusus yang juga disebut sebagai fardhu ain dan fardhu kifayah. Fardhu Ain merupakan ibadah dengan Allah SWT, manakala fardhu kifayah merupakan tanggungjawab dalam sosial. Hal ini dinyatakan oleh informan3 iaitu “Ibadah ni merupakan amalan-amalan yang disyariatkan, yang digalakkan. Semua tu adalah ibadat dan merupakan juga tanggungjawab sosial. Sumbangan sosial. Islam ini merangkumi fardhu ain dan juga fardhu kifayah, kerja-kerja fardhu kifayah ni tanggungjawab sosial lah. Fardhu ain ni tanggungjawab individu dengan Allah, *direct*. Dalam konteks organisasi kita lebih kepada fardhu kifayah kita bagi kepada masyarakat, hubungan dengan masyarakat, secara tak lansung termasuk juga hubungan dengan Allah”. Ibadah juga perlu disertai dengan niat yang baik apabila ingin melaksanakannya. Semua ibadah yang merangkumi tanggungjawab menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia mempunyai satu matlamat utama iaitu untuk memperolehi kebaikan dan juga ketaqwaan. Kebaikan yang dilakukan haruslah menjurus kepada Allah SWT sebagai pencipta. Kebaikan yang dilakukan juga menjurus daripada sifat taqwa seorang individu terhadap penciptanya.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan CSR bercirikan Islam adalah berbeza dengan pandangan CSR daripada perspektif Barat. Hal ini kerana, CSR bercirikan Islam mengandungi prinsip serta landasan yang telah ditetapkan dalam agama Islam bagi melaksanakan tanggungjawab. Islam meletakkan hubungan dengan Allah dan kepentingan akhirat sebagai matlamat utama dalam melaksanakan tanggungjawab berbanding dengan kepentingan dunia. Hal ini demikian kerana kepentingan dunia akan datang seiring sekiranya setiap tanggungjawab dilaksanakan kerana Allah SWT. Perspektif Barat pula menekankan hasil yang dapat diperolehi apabila melaksanakan tanggungjawab seperti mendapat reputasi yang baik, imej yang baik, meningkatkan kepercayaan pelanggan dan sebagainya.

Tanggungjawab dalam Islam juga menekankan prinsip taqwa iaitu melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan yang menunjukkan ketataan manusia terhadap suruhan Penciptanya (Yusof, 2010). Kepentingan taqwa dibuktikan apabila di dalam Al-Quran telah dinyatakan sebanyak dua ratus empat puluh dua kosa kata taqwa (Kartini, 2012). Hal ini membuktikan bahawa menerusi Al-Quran, Allah SWT mengkehendaki individu supaya bertaqa di dalam setiap peringkat kehidupan iaitu dalam ibadah, keimanan, dan setiap tindakan yang diambil. Ketaqwaan bukan sahaja perlu di peringkat individu malahan perlu diaplikasikan dalam peringkat organisasi. Dalam konteks organisasi, setiap tanggungjawab yang dilaksanakan adalah menjurus ke arah kebaikan sahaja dan tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang dalam agama. Hal ini penting terutama bagi organisasi yang berteraskan syariah dalam usaha mendapatkan keberkatan bagi operasi organisasi mereka dan melaksanakan tanggungjawab

kepada pihak tertentu dengan bertindak mengikut batasan yang telah di tetapkan dalam agama. Dusuki (2008) menjelaskan bahawa CSR dalam Islam mengandungi makna yang luas mengenai dimensi taqwa yang merangkumi peranan dan tanggungjawab organisasi sebagai khalifah Allah dengan menjaga hubungan dengan Allah melalui amalan nilai-nilai yang baik seperti kejujuran, keadilan, kebenaran dan sebagainya.

Bagi memperolehi taqwa, manusia perlu mengamalkan ciri seperti *amar ma'aruf nahi mungkar* (menyuruh kebaikan, mencegah kemungkaran), amanah, ikhlas, dan *hablulminallah hablulminannas* (hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia) dalam melaksanakan tanggungjawab. Menurut ulama, ciri-ciri ini mengandungi suruhan dan larangan dalam memenuhi tanggungjawab kepada Allah, tanggungjawab kepada manusia dan tanggungjawab kepada makhluk yang lain yang dapat melahirkan ketaqwaan. Tanggungjawab dalam menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran tidak hanya terbatas kepada diri sendiri malahan perlu sehingga ke peringkat masyarakat dengan berusaha mengislahkan orang lain (Ibrahim, 2000). Sebagai makhluk ciptaan Allah SWT, manusia telah diamanahkan untuk memanfaatkan, mengurus, mentadbir dan membangun segala sumber yang telah dikurniakanNya dengan sebaik dan semanah yang mungkin dan setiap aktiviti pembangunan yang dijana hendaklah mengikut syariat yang telah ditetapkan (Yusof, 2010).

Tanggungjawab dalam Islam juga dilihat berbeza dengan perspektif Barat kerana tanggungjawab yang dilakukan menurut Islam adalah berlandaskan kepada prinsip ikhlas iaitu melakukan sesuatu dengan niat kerana Allah SWT. Menurut Al-Qaradawi (2000), ikhlas bermaksud seseorang itu mengharapkan keredhaan Allah dalam segala gerak kerjanya. Allah berfirman dalam surah Hud ayat 15-16 yang bermaksud: “Barangsiaapa yang keprihatinannya lebih untuk mencari kehidupan dunia dan perhiasannya, maka Kami pasti menunaikan hajat mereka dengan usaha tersebut. Mereka tidak akan dirugikan walau sedikitpun. Akan tetapi habuan untuk orang-orang seperti itu tidak lain dan tidak bukan hanyalah apai neraka. Pahala amalan mereka menjadi hancur lebur dan tidak berguna sama sekali”. Ayat tersebut menjelaskan bertapa pentingnya mengamalkan keikhlasan dalam kehidupan serta balasan yang diterima sekiranya melaksanakan sesuatu dengan niat untuk mendapat kepentingan dunia.

Islam turut menekankan aspek menjaga hubungan seperti yang tercatat dalam Al- Quran iaitu dalam surah Al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud “Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu”. Aspek menjaga hubungan dengan masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab turut dinyatakan oleh sarjana barat seperti Crowther dan Rayman-Bacchus (2004) serta McWilliam dan Siegal (2000) yang menjelaskan bahawa CSR adalah berkaitan dengan memahami dan menekankan hubungan antara organisasi dengan masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, CSR daripada perspektif Barat tidak menerapkan hubungan dengan Tuhan berbeza dengan pandangan ulama dalam kajian ini yang menyatakan prinsip hubungan dengan Allah merupakan salah satu ciri utama bagi melaksanakan CSR.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa konsep CSR bercirikan Islam adalah berbeza dengan konsep CSR daripada perspektif Barat memandangkan CSR bercirikan Islam adalah berlandaskan kepada prinsip taqwa serta lebih mementingkan keuntungan akhirat berbanding dengan keuntungan dunia. Taqwa dilahirkan daripada niat, perkataan, sahsiah dan tindakan dalam melaksanakan tanggungjawab (Yusof, 2010). Manusia yang bertaqwa akan memelihara segala hak dan tanggungjawab yang telah ditentukan terhadapnya bagi mengelakkan diri daripada kemarahan dan kemurkaan Allah SWT. Oleh yang demikian,

kONSEP CSR bercirikan Islam adalah berkaitan dengan konsep taqwa yang mengandungi ciri-ciri *amar makruf nahi mungkar*, amanah, ikhlas dan *hablulminallah hablulminannas*. Dalam melaksanakan tanggungjawab khususnya kepada organisasi berteraskan syariah, ciri-ciri konsep ini perlu diaplikasikan bagi memastikan tanggungjawab yang dilaksanakan menepati suruhan yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Hal ini penting bagi memberikan impak yang positif bukan sahaja untuk kepentingan di dunia malahan lebih lagi ganjaran untuk di akhirat kelak.

RUMUSAN

Islam telah menyediakan garis panduan yang lengkap dalam pelaksanaan tanggungjawab oleh individu maupun organisasi. Tanggungjawab yang ingin dilaksanakan perlu mengandungi unsur kebaikan semata-mata dan perkara yang tidak baik haruslah dihindari. Sebagai hamba kepada Allah swt, manusia perlu melakukan ibadah yang telah ditetapkan dan melaksanakan sesuatu perkara dengan ikhlas kerana Allah swt. Dalam melaksanakan tanggungjawab, manusia juga perlu meletakkan matlamat akhirat sebagai matlamat yang utama kerana keutamaan terhadap akhirat akan memberikan kebaikan menyeluruh di dunia dan akhirat. Oleh itu, konsep CSR perlu dilihat dari sudut Islam terutamanya bagi organisasi yang berteraskan Islam supaya tanggungjawab sebagai seorang Muslim dapat dilaksanakan dengan mematuhi syariat serta mendapat kebaikan di dunia dan akhirat.

Kajian yang dilakukan ini diharap dapat memberi panduan kepada organisasi terutamanya organisasi yang berteraskan syariah bagi melaksanakan CSR bercirikan Islam. Dalam mengejar kemajuan, terdapat organisasi yang melanggar hukum agama demi kepentingan organisasi untuk meningkatkan keuntungan serta mendapatkan perhatian umum. Tindakan yang tidak baik akan memberikan kesan yang negatif kepada organisasi dan masyarakat. Oleh yang demikian, prinsip Islam didalam setiap operasi organisasi tidak seharusnya diketepikan malahan organisasi yang berteraskan Islam khususnya perlu berpegang teguh kepada prinsip Islam supaya dapat menyelesaikan masalah organisasi sekaligus memperolehi keberkatan dari Allah SWT. Kajian ini memberi fokus kepada konsep CSR bercirikan Islam menurut pandangan ulama. Pengkaji akan datang perlu mengkaji aspek yang tidak disentuh dalam kajian ini seperti pandangan pihak pengurusan atasan organisasi yang berteraskan syariah berkaitan dengan konsep CSR bercirikan Islam. Dicadangkan juga kaedah kajian campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi melibatkan lebih ramai informan untuk memperkuuhkan lagi konsep CSR bercirikan Islam. Selain itu, pelaksanaan CSR bercirikan Islam berdasarkan konsep yang dikemukakan dalam kajian ini perlu diuji dalam konteks organisasi berteraskan syariah.

RUJUKAN

- Abu Bakar, F (2015). Corporate Social Responsibility (CSR) management process at Bank Islam Malaysia Berhad.*Tesis PhD tidak diterbitkan*. Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Al-Quran.
- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Ikhlas dalam ibadah dan perjuangan*. Petaling Jaya, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Amaeshi, K. M. & Adi, B. (2007). Reconstructing the corporate social responsibility construct in Utlish. *Business Ethics: A European Review*, 16(1), 3-18.

- Arshad, R., Othman, S., & Othman, R. (2012). Islamic corporate social responsibility, corporate reputation and performance. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 64, 1070-1074.
- Boatright, J. R. (2001). The future of corporate social responsibility. *Business and Professional Ethics Journal*, 20 (3/4), 39-48.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative research for education. An introduction to theory and methods*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Bowen, H. R. (1953). *Social responsibilities of the businessman*. New York: Harper & Row.
- Carroll, A. B. (1979) A three-dimensional conceptual model of corporate social performance. *Academy of Management Review*, 4(4), 497-505.
- Carroll, A. B. (1999). Corporate social responsibility: Evolution of a definitional construct. *Business & Society*, 38(3), 268-295.
- Carroll, A. B., & Buccoltz, A. K. (2006). *Business and Society: Ethics and Stakeholder Management*. Mason: Thomson.
- Che Man, N., & Borhan, J. T. (2010). Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat: Implikasi dan keberkesanannya kepada masyarakat. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V*.
- Crowther, D. & Rayman-Bacchus, L. (2004). *Perspective on Corporate Social Responsibility*. Aldershot: Ashgate.
- Darus, F., Yusoff, H., Abang Naim, D.M, Mohamed Zain, M., Amran, A., Fauzi, H., et al. (2013). Islamic Corporate Socila Responsibility (i-CSR) framework from the perspective of Maqasid al-Syariah and maslahah. *Issues in Social & Environmental Accounting*, 7(2), 102-112.
- Davis, K. (1973). The case for and against business assumption of social responsibilities. *Academy of Management Journal*, 16(2), 312-322.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2000). Introduction: The discipline and practice of qualitative research. Dalam Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.), *Handbook of qualitative research*, (pp. 1-29). Second Edition. California: Sage Publications.
- Dusuki, A. W. (2008). What does Islam say about corporate social responsibility. *International Association for Islamic Economic*, 12(1), 5-28.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shari'ah, maslahah and corporate social responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25-45.
- Dusuki, A. W., & Yusof, T. F. M. T. M. (2008). The pyramid of corporate social responsibility model: Empirical evidence from Malaysian stakeholder perspectives. *Malaysian ccounting Review*, 7(2), 29-54.
- Epstein, E. M. (1989). Business ethics, corporate good citizenship and the corporate social policy process: A view from the United States. *Journal of Business Ethics*, 8, 583593.
- Fisher, J. (2004). Social responsibility and ethics: Clarifying the concepts. *Journal of Business Ethics*, 52(4), 391-400.
- Ford, N. (2007). Corporate social responsibility in African context. *New African*, 465, 50-52.
- Frederick, W.C. (1986). Toward CSR3: Why ethical analysis is indispensable and unavoidable in corporate affairs. *California Management Review*, 28(2), 126-41.
- Galbreath, J. (2010). Drivers of corporate social responsibility: The role of formal strategic planning and firm culture. *British Journal of Management*, 21, 511-525.
- Griffin J. (2000). Corporate social performance: Research directions for the 21st century. *Business & Society*, 39(4), 479-9.
- Gulyas A. (2009). Corporate social responsibility in the British media industries –preliminary findings. *Media, Culture & Society*, 31(4), 657-68.
- Haniffa, R. (2002). Social responsibility disclosure: An Islamic perspective. *Indonesian Management and Accounting Journal*, 1(2), 128-146.
- Hill, I. (2006). How finance can help move csr up the agenda. *The Cost and Management*, 34(6), 5-9.
- Ibrahim, B. (2000). *Meraih Kebaikan Mencegh Kemungkaran*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Idemudia U. (2008). Conceptualising the CSR and development debate: Bridging existing analytical gaps. *Journal of Corporate Citizenship*, 29, 91-110.
- Kartini, H. A. (2012). Taqwa penyelamat ummat. *Al'ulum*, 2(52), 26-35.

- Khan, M.S.U., & Karim, M.N. (t.t). Corporate social responsibility: Contemporary thought and Islamic perspective. *Thoughts on Economics*, 21(1), 45-65.
- Lantos, G. P. (2001). The boundaries of strategic corporate social responsibility. *Journal of Consumer Marketing*, 18 (7) 595-632.
- Maignan, I., & Ferrell, O. (2001). Antecedents and benefits of corporate citizenship: An investigation of French businesses. *Journal of Business Research*, 51(1), 37-51.
- Marrewijk, M. V. (2003). Concepts and definitions of CSR and corporate sustainability: Between agency and communion. *Journal of Business Ethics*, 44(2), 95-105.
- Md Sum, S (2013). Pembangunan komuniti melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat CSR): Kajian pengalaman peserta projek perlادangan cili kontrak di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan. *Tesis PhD tidak diterbitkan*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.
- McWilliams, A. (2001). Corporate social responsibility: A theory of the firm perspective. *Academy of Management Review*, 26(1), 117-28.
- McWilliams, A., & Siegel, D. (2000). Corporate social responsibility and financial performance. *Strategic Management Journal*, 21, 603-619.
- Miles, M. B. & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative data analysis (2nd Edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Mohr, L. A., Webb, D. J., & Harris, K. E. (2001). Do consumers expect companies to be socially responsible? The impact of corporate social responsibility on buying behavior. *Journal of Consumer Affairs*, 35(1), 45-72.
- Nasaruddin, A. S. (1996). *Bimbingan menuju taqwa*. Kuala Lumpur: Perniagaan Jahabersa.
- Parvez, Z., & Ahmed, P. (2004). *An Islamic perspective on the lack of social responsibility in business organization*. Retrieved May 12, 2014, from www.wlv.ac.uk/umbs
- Perrini, F. (2006). The practitioner's perspective on non-financial reporting. *California Management Review*, 48(2), 73-103.
- Sabir, H. M, Kalyar, M.N., Ahmed, B., & Zaidi, H. R. (2012). Factors affecting corporate social responsibility: An emperical study from Pakistan perspective. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research Business*, 3(10), 831-852.
- Samina, Q. S. (2012). Practice of corporate social responsibility in Islamic banks of Bangladesh. *World Journal of Social Sciences*, 2(6), 1-13.
- Sethi, S. P., & Steidlmeier, O. (1995). The evolution of business role in society. *Business & Society Review*, 94, 9-13.
- Shareef, F., Arunachalam, M., Sodique, H., & Davey, H. (2014). Understanding CSR in the Maldivian context. *Social Responsibility Journal*, 10(1), 85-114.
- Turker, D. (2009). Measuring corporate social responsibility: A scale development study. *Journal of Business Ethics*, 85, 411-427.
- Ullmann, A. (1985). Data in search of a theory: A critical examination of the relationship among social performance, social disclosure, and economic performance. *Academy of Management Review*, 10, 540-577.
- Vogel, D. (2005). *The Market for Virtue: The Potential and Limit of Corporate Social Responsibility*. Washington, DC: Brooings Institution Press.
- Williamson, D., Lynch-Wood, G., & Ramsay, J. (2006). Drivers of environmental behavior in manufacturing SMEs and the implications for CSR. *Journal of Business Ethics*, 67(3), 317-330.
- Wood, D. J. (1991). Corporate social performance revisited. *Academy of Management Review*, 16(4), 691-718.
- Weber M. (2008). The business case for corporate social responsibility: A company-levelmeasurement approach for CSR. *European Management Journal*, 26, 247-261.
- Yunus, A.H. (1985). Kesan taqwa dalam kehidupan manusia. *Majalah Al Islam*, 12, 12.
- Yusof, A. B. (2010). *Pengurus Bertaqwa Memakmurkan Syarikat*. Sintok: Penerbit UUM.
- Yusuf, M. Y. (2010). Model pelaksanaan CSR bank syariah: Kajian empiris pembiayaan mikro batul mal Aceh. *Jurnal Ekonomi Islam*, 4(2), 197-215.
- Zenisek, T. J. (1979). Corporate social responsibility: A conceptualization based on organization literature. *Academy of Management Review*, 4, 359-368.